

22 AUG 1998

Mahathir-IPP

TNB DAN IPP BOLEH RUNDING SEMULA PERJANJIAN BELI TENAGA

KOTA BAHARU, 22 Ogos (Bernama) -- Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan pengeluar tenaga persendirian (IPP) boleh merundingkan semula perjanjian mereka berhubung penjualan dan pembelian tenaga, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya jika TNB merasakan perjanjian yang ada sekarang hanya menguntungkan IPP, ia boleh dirunding semula walaupun peruntukan dalam perjanjian asal sudahpun dipersetujui sebelum ini.

Beliau berkata demikian dalam persidangan media di Kampung Chengal dekat sini di akhir lawatan seharinya ke Kelantan.

Dr Mahathir diminta mengulas kenyataan Pengerusi Eksekutif TNB Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali baru-baru ini bahawa TNB menghadapi kerugian kerana terpaksa membeli tenaga berlebihan daripada IPP walaupun permintaan untuk tenaga sekarang berkurangan ekoran kegawatan ekonomi.

Dr Ahmad Tajuddin berkata TNB kini terpaksa membayar RM3.5 bilion setahun untuk membeli tenaga dari enam IPP. Bayaran itu merupakan 50 peratus daripada kos operasi keseluruhan TNB.

"Perjanjian itu sudah dipersetujui sebelum ini tetapi jika TNB merasakan ia perlu dirunding semula supaya menguntungkan kedua-dua pihak, ia harus dirunding semula," katanya.

Dr Mahathir berkata rundingan semula itu boleh diadakan untuk menentukan siapa yang boleh mengalah sedikit.

Ditanya kenapa perjanjian yang ada sekarang lebih menguntungkan IPP daripada TNB, Perdana Menteri berkata: "Yang itu kita dah setuju dahulu tetapi jika perlu dirundingkan semula, bolehlah".

Ditanya mengenai tindakan Malaysia terhadap serangan Amerika Syarikat terhadap sasaran tertentu di Afghanistan dan Sudan, beliau berkata Malaysia sebagai negara yang kecil tidak mungkin boleh berbuat apa-apa.

"Kita tidak ada kuasa atau pengaruh, jadi tak boleh buat apa-apa," katanya.

Katanya beliau tidak fikir Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu akan berbuat sesuatu terhadap perkara itu.

Dr Mahathir berkata Malaysia juga mengutuk tindakan kumpulan pengganas yang mengebom kedutaan Amerika Syarikat di Tanzania dan di Kenya yang menyebabkan hampir 300 orang terbunuh dan 5,000 cedera.

Tindakan mengebom kedutaan bukan cara untuk menyelesaikan sebarang masalah malah ia memburukkan lagi keadaan kerana orang yang tidak berkaitan turut terbunuh, katanya.

Ditanya mengenai tindakan beberapa pihak yang cuba menggugat kestabilan politik negara seperti yang berlaku terhadap ekonomi negara melalui penyebaran berita-berita negatif, Dr Mahathir mengakui perkara itu ada berlaku terutama disebar oleh pihak-pihak asing.

"Saya tak fikir itu menjadi masalah, yang cakap-cakap seperti itu memang adalah terutama orang asing dan cakap-cakap ini juga mempunyai tujuan tertentu," katanya.

Perdana Menteri berkata golongan itu tidak sepatutnya mencampuri urusan negara ini, malahan tindakan yang mereka cuba lakukan hanyalah untuk menimbulkan "kegawatan politik" di negara ini.

Ditanya antara tindakan negatif yang telah dilakukan oleh pihak-pihak asing itu, Perdana Menteri berkata: "Hari itu ada dia syorkan supaya saya diturunkan (dari jawatan sebagai Perdana Menteri) dan diganti dengan saya punya timbalan (Datuk Seri Anwar Ibrahim).

"Kita bernasib baik kerana, jangan kata parti kerajaan tetapi parti lawan (pembangkang) pun tak bersetuju. Malahan (Lim) Kit Siang pun tak setuju,".

"Soal (negara) kita, biarlah kita selesai sesama kita, bukan hal orang lain," katanya.

Mengenai saranan bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba dua hari lepas supaya kerajaan Barisan Nasional mengadakan pilihan raya awal, Dr Mahathir berkata beliau akan mengkaji perkara itu.

"Kita kena kajilah benda ini. Saya tidak tolak tetapi saya perlu kaji sama ada ia harus diadakan (awal) atau tidak," katanya.

Dr Mahathir yang dalam lawatan sehari ke Kelantan, terdahulu menghadiri Perhimpunan Cinta Negara, Pemimpin Bersama Rakyat di Sekolah Kebangsaan Chengal, Ketereh, 20 Km dari sini.

Pada lawatannya itu, Perdana Menteri turut merasmikan Pusat Ukhwah, Tarbiyah dan Riadah Rakyat (Putra) di Kampung Chengal, yang menjadi pusat gerakan pelbagai aktiviti bercorak kemasyarakatan, bertujuan meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat.

Putra juga bertujuan membantu rakyat termiskin dan anak-anak yatim melalui beberapa projek dan kursus anjurannya seperti memberi tunjuk ajar kepada masyarakat mengenai perusahaan menanam orkid bagi menambah pendapatan serta memberi kursus komputer dan multimedia kepada kanak-kanak di kawasan berkenaan.

Dr Mahathir juga merasmikan Pejabat Pos mini kampung itu serta jambatan Tok Ayah Ali bersebelahan Putra yang menghubungkan kampung Chengal dengan kawasan Melor dan Ketereh.

-- BERNAMA

RAR MAI